

**DATE** : 25 October 2012  
**PUBLICATION** : Berita Harian  
**SECTION** : -  
**HEADLINE** : PHB bangun projek RM5b

---



EKONOMI

## PHB bangun projek RM5b

2012/10/25 - 07:29:03 AM Mahanum Abdul Aziz | mahanum@bharian.com.my

Emai Kawalan Cetak

### Pembangunan komersial bersepadu di bekas tapak kilang Unilever

Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) akan membangunkan projek pembangunan komersial bersepadu bernilai RM5 bilion di bekas tapak kilang Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd di Jalan Bangsar dalam tempoh terdekat ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Kamalul Arifin Othman, berkata pihaknya sudah menyiapkan pelan induk berkenaan dan sudah mengemukakannya kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk kelulusan.

“Setakat ini, rundingan kami dengan DBKL mengenai pelan induk itu berjalan lancar. Kami yakin akan mendapat kelulusan daripada DBKL dalam tempoh terdekat ini,” katanya pada sidang media selepas mengumumkan pengagihan pendapatan dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) yang kedua bagi tahun ini di Kuala Lumpur semalam.

#### Keluasan 7.6 hektar

Kamalul Arifin berkata projek pembangunan komersial bersepadu itu akan membabitkan keluasan 7.6 hektar dan pihaknya bercadang membangunkannya secara usaha sama dengan sebuah atau beberapa pemaju harta tanah terkemuka di negara ini.

Setakat ini, katanya pihaknya sudah menerima beberapa cadangan daripada pemaju harta tanah terkemuka di negara ini yang berminat untuk turut serta dalam memajukan projek berkenaan.

“Projek ini akan membabitkan pembangunan bangunan pejabat, hotel, runcit dan kediaman. Kami akan memilih pemaju harta tanah yang layak berdasarkan cadangan yang memberikan nilai tambah kepada projek berkenaan dan juga menepati matlamat PHB,” katanya, sambil menambah bahawa projek itu akan dibangunkan secara berperingkat.

Kamalul Arifin berkata, PHB juga akan mengembangkan lagi portfolio pelaburan harta tanahnya bagi menyediakan aliran pendapatan lebih baik dan konsisten kepada pelabur dana AHB.

#### Beberapa aset baru

Justeru, katanya, pihaknya sedang meninjau untuk membeli beberapa aset baru untuk disuntik ke dalam AHB dengan tumpuan kepada harta tanah yang berpotensi memberikan pulangan pendapatan yang lumayan.

Beliau berkata, ia meliputi bangunan yang sudah siap serta tanah yang berpotensi dimajukan dengan projek harta tanah.

PHB, anak syarikat Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera kini mempunyai lapan aset harta tanah bernilai RM1.5 bilion.

Ia kini sedang membangunkan harta tanah komersial Lot G di KL Sentral, iaitu projek pembangunan berintegrasi dengan pusat membeli-belah tujuh tingkat dan menara pejabat 32 tingkat, serta bangunan tambahan Hospital Gleneagles Kuala Lumpur setinggi 10 tingkat di Ampang.